# SOALAN-SOALAN LAZIM
# PROGRAM DANA PEMBIAYAAN AGROMAKANAN KELUARGA MALAYSIA

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | Apakah Program Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM)? | Program Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) ialah program pembiayaan yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di dalam sektor pengeluaran ayam, ruminan (lembu dan kambing) dan tanaman sayuran, dengan jumlah pembiayaan sehingga RM5.0 juta. |
| 2 | Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah program ini? | • Perniagaan yang berkaitan dengan pengeluaran ayam, ruminan (lembu dan kambing), tanaman sayuran dan lain-lain dalam skop sahaja.<br><br>• Sdn Bhd., Pemilik Tunggal, Perkongsian / Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) daripada semua sektor diatas dengan sekurang-kurangnya 51% saham dipegang dan dikawal oleh warganegara Malaysia.<br><br>Tidak termasuk:<br><br>a) Entiti yang disenaraikan awam di papan utama; dan<br>b) Anak syarikat:<br>• Syarikat tersenarai awam di papan utama;<br>• Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC);<br>• Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan<br>• Perusahaan milik negara<br><br>• Berumur antara 18 tahun (pada masa permohonan) sehingga 70 tahun (pada tempoh matang pembiayaan).<br><br>• Tidak diisytiharkan muflis dan tidak mempunyai tindakan undang-undang yang membenarkan tinndakan muflis.<br><br>• Aktiviti perniagaan patuh syariah. |
| 3 | Bagaimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan? | Permohonan pembiayaan boleh dilakukan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon. |
| 4 | Apakah skop pembiayaan di bawah Program DPAKM? | Skop pembiayaan adalah tertakluk kepada peruntukan yang disasarkan dan sektor yang disasarkan.<br><br>Membiayai CAPEX dan OPEX di sepanjang rantaian nilai agromakanan dan lain-lain dalam skop yang diluluskan dan dinasihatkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dari semasa ke semasa. |
| 5 | Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah program ini? | Sehingga 102 bulan termasuk sebarang Moratorium dan/atau tempoh tangguh yang diberikan. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 6 | Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan di bawah program? | i. Pembiayaan Modal Kerja-*i* (MK-*i*)<br><br>Untuk menyediakan perbelanjaan operasi tetapi tidak terhad kepada kos untuk pembelian benih, baja, penyelenggaraan dan sistem utiliti, gaji pekerja, overhead cost dan lain-lain yang berkaitan dengan operasi ladang.<br><br>ii. Pembiayaan Berjangka-*i*/ Term Financing-*i* (TF-*i*)<br><br>Untuk menyediakan perbelanjaan modal tetapi tidak terhad kepada kos input untuk pembelian benih, baja, peralatan teknologi, pemerolehan bahan untuk industri terlibat.<br><br>iii. Agro Cash Line-*i*<br><br>Kemudahan overdraf untuk membiayai perniagaan yang berasaskan industri-industri yang terlibat dalam skop program ini.<br><br>iv. Tradeline<br><br>Produk-produk yang ditawarkan di bawah pembiayaan perdagangan Agrobank. |
| 7 | Berapakah kadar keuntungan dikenakan kepada pelanggan? | Pembiayaan Berjangka-*i* (TF-*i*)<br><br>i. 0% untuk tempoh moratorium 6 bulan diberikan dan selepas itu pada 3.0% setahun dikira pada kadar rehat bulanan dan/atau;<br><br>ii. Tempoh penangguhan sehingga 12 bulan di mana bahagian keuntungan kemudahan perlu dibayar semasa tempoh penangguhan.<br><br>Modal Kerja-*i* (MK-*i*) / Agro Cashline-*i* / Tradeline<br>3.0% sepanjang tempoh pembiayaan |
| 8 | Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon? | Sehingga RM5,000,000.00 (Setiap pelanggan/ Setiap kumpulan) |
| 9 | Berapakan margin pembiayaan? | Margin pembiayaan adalah 90% daripada jumlah kos. Kos lain yang berkaitan contohnya Takaful, Duti Setem dan sebagainya akan ditanggung oleh pelanggan. |
| 10 | Bagaimanakah wang pembiayaan akan dikeluarkan? | **Modal kerja**<br><br>• Pengeluaran wang pembiayaan akan dibuat terus kepada pelanggan dan di mana berkaitan, pengeluaran wang pembiayaan akan dibuat kepada pembekal selepas pembentangan bukti dokumentari yang boleh diterima oleh Bank.<br><br>• Tunggakan ditetapkan/dibayar pada masa pengeluaran wang pembiayaan. Tunggakan yang ditetapkan/dibayar hendaklah disokong dengan bukti/ resit pembayaran. |

| No. | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| | | **CAPEX**<br>• Pengeluaran wang pembiayaan akan dibuat kepada pembekal selepas pembentangan bukti dokumentari yang boleh diterima oleh Bank<br>• Pengeluaran progresif berdasarkan peratusan siap.<br>• Pembayaran balik kemudahan dibenarkan tertakluk kepada penyerahan bukti dokumentari dan/atau bukti pembayaran seperti invois, resit, penyata bank yang boleh diterima oleh Bank. |
| 11 | Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan? | Borang permohonan kemudahan pembiayaan yang lengkap.<br>• Salinan kad pengenalan pemohon dan pemohon bersama (bagi permohonan bersama).<br>• Penyata akaun simpanan bank atau rekod jualan perniagaan bagi tempoh 6 bulan terkini.<br>• Salinan pendaftaran perniagaan atau lesen peniagaan bagi perniagaan yang melibatkan premis tetap.<br>• Lain-lain dokumen sokongan yang diperlukan di bawah program ini. |
| 12 | Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan? | Secara ansuran bulanan melalui mana-mana saluran berikut;<br>• Arahan tetap (SI);<br>• Deposit tunai (CDM);<br>• Online transfer (automated teller machine (ATM) atau melalui perbankan internet);<br>• Melalui kaunter mana-mana cawangan Agrobank. |
| 13 | Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan? | Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;<br>Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my ;<br>Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;<br>Layari media sosial rasmi Agrobank Facebook, Instagram, Twitter. |